

BH 1 2 MAY 2000

Dr M, Pak Lah rasmi Presiden, Timbalan

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini diisytiharkan secara rasmi sebagai Presiden dan Timbalan Presiden Umno bagi penggal 2000-2003.

Pengisytiharan itu dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Majlis Tertinggi (MT) 2000, Tan Sri Kamarul Ariffin, sebelum 2,010 perwakilan mengundi untuk memilih tiga Naib Presiden dan 25 ahli MT parti.

Sepanjang menjadi Presiden Umno selama tujuh penggal sejak 1981, Dr Mahathir hanya sekali dicabar iaitu oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, pada pemilihan 1987.

Dr Mahathir mendapat 162 pencalonan daripada 165 bahagian Umno yang mengadakan mesyuarat agung, kecuali Tanah Merah dan Gua Musang di Kelantan serta Bandar Tun Razak, Wilayah Persekutuan.

Abdullah yang diumumkan sebagai Timbalan Presiden Umno pula mendapat 161 pencalonan.